

14 JUN 2000

MAHATHIR-KOMPONEN

PM: KURANGKAN PEMBELIAN KOMPONEN KERETA

KUALA LUMPUR, 14 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta pengeluar kereta nasional supaya mengurangkan pembelian komponen kereta dari luar negara supaya harga kereta yang dihasilkan lebih berdaya saing.

"Kita perlu berbuat demikian kerana selagi kita mengimport komponen, kita tidak dapat kawal kos," katanya ketika melancarkan model terbaru Perodua Kenari di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata Proton dan Perodua perlu mengurangkan pembelian komponen import kerana komponen tersebut sememangnya mahal dan akan lebih meningkat jika mata wang asing bertambah nilainya.

"Kita perlu keluarkan sendiri dengan melabur dan mempelajari tentang pengeluaran komponen ini," tambahnya.

Beliau berkata walaupun kerajaan telah mensyaratkan sebanyak yang boleh komponen ini dikeluarkan dalam negara, jumlah komponen keluaran tempatan masih kecil.

Katanya, berbanding Proton jumlah komponen yang diimport oleh Perodua lebih tinggi kerana jualan kenderaannya lebih rendah.

Beliau mengingatkan tentang tempoh pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) pada tahun 2003 atau selewat-lewatnya 2005 yang akan menyebabkan persaingan sengit antara kereta nasional dan asing.

Kereta asing yang dipasang di negara-negara Asean akan dianggap sebagai kereta Asean dan dapat menikmati cukai yang rendah.

Beliau berkata sebenarnya, tiada negara Asean lain yang mengeluarkan kereta nasional kecuali Malaysia.

Perdana Menteri berkata dengan penurunan tarif nanti, pesaing-pesaing asing ini akan mempunyai kelebihan kos kerana mereka mengeluarkan kereta dalam jumlah yang besar.

Sekiranya pengeluar kereta nasional tidak boleh menjadi lebih bersaing kos sebelum AFTA berkuatkuasa, perniagaan mereka mungkin merosot dan mungkin diambil alih syarikat-syarikat gergasi, katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia bernasib baik kerana ia menerokai industri automobil dalam masa yang amat sesuai iaitu di awal tahun 80an dan 90an.

"Kalau kita masuk masa ini, kemungkinan kita akan gagal sama sekali kerana industri automotif sekarang melalui proses penggabungan dan pemilikan supaya industri ini dikuasai syarikat-syarikat gergasi," katanya.

Syarikat-syarikat gergasi yang bertempat di Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah kini mengeluarkan jutaan kereta setiap tahun, menjadikan mereka kaya dan mampu menjalankan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) yang menelan belanja yang besar setiap tahun.

Dr Mahathir berkata negara-negara maju sedang meningkatkan piawaian mereka setiap tahun dan jika tidak dipenuhi, pengeluar dari negara luar tidak akan dapat menjual ke pasaran mereka.

"Dengan itu perniagaan kita terhad dan kita menjadi syarikat-syarikat kecil dan tidak dapat bersaing.

"Dan kita tidak ada tempat sama sekali dalam industri ini."

Oleh sebab itu, katanya, pengeluar kereta nasional mungkin akan gulung tikar kalau tidak berjaga-jaga.

Dr Mahathir berkata satu cara untuk mengelakkan perkara ini adalah dengan tidak membenarkan syarikat-syarikat automotif gergasi mengambil alih kepentingan dalam syarikat kereta nasional kerana ia akan bermakna berakhirlah riwayat kereta nasional.

"Walaupun mereka berjanji kita akan mereka bentuk kereta sendiri tetapi lama kelamaan kita akan jadi pemasang sahaja.

"Dengan itu kita tidak dapat belajar dan mencapai keupayaan kejuruteraan. Kita akan menjadi bangsa yang mundur."

Perdana Menteri juga berkata kerajaan merancang untuk meningkatkan jumlah komponen yang dibuat di dalam negara yang juga akan meningkatkan golongan kelas menengah.

Selain mengurangkan kos kereta nasional, rancangan ini akan mewujudkan lebih banyak penyertaan Bumiputera dalam industri kecil dan sederhana (IKS).

"Saya harap mereka yang berkerja dalam industri automotif dan kejuruteraan lain akan menyambut dan menerimanya," katanya.

-- BERNAMA

MAD MA